

# Analisis Fiqh Terhadap Peruntukan Penerima Wasiat *Wajibah* di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

**BITARA**

Volume 8, Issue 4, 2025: 172-185  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 3 August 2025  
Accepted: 25 August 2025  
Published: 29 September 2025

## [A Fiqh Analysis of the Provisions on Beneficiaries of Compulsory Bequests in the States of Selangor and Negeri Sembilan]

Aisyah Abd Rahim<sup>1</sup> & Noor Lizza Mohamed Said<sup>1\*</sup>

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
P148329@siswa.ukm.edu.my, lizza@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: lizza@ukm.edu.my

### Abstrak

Wasiat *wajibah* merupakan suatu kaedah pemberian harta pusaka melalui peruntukan undang-undang kepada waris yang terhalang daripada mewarisi harta pusaka. Di Malaysia terdapat beberapa negeri yang memperuntukkan berkaitan wasiat *wajibah* antaranya ialah Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Namun begitu, terdapat perbezaan ke atas penerima wasiat *wajibah* dalam undang-undang bertulis di kedua-dua negeri tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji golongan yang layak menerima wasiat *wajibah* dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 serta menganalisis pandangan fuqaha yang mendasari perbezaan antara kedua-dua enakmen. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap teks-teks fiqh klasik dan kontemporari, serta analisis perbandingan terhadap kedua-dua enakmen berkenaan. Kajian juga merujuk kepada pandangan mazhab-mazhab fiqh utama dalam Islam bagi memahami asas-asas penetapan golongan penerima wasiat *wajibah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan peruntukan ini berpunca daripada perbezaan pandangan tentang tujuan pemberian harta pusaka kepada golongan penerima wasiat *wajibah*. Negeri Selangor mengambil pendekatan yang lebih inklusif berdasarkan prinsip keadilan dan kemaslahatan, manakala Negeri Sembilan masih berpegang kepada mazhab Shafi'i yang mengehadkan penerimaan kepada cucu daripada anak lelaki sahaja. Kajian ini diharapkan dapat menjadi asas penilaian semula terhadap penetapan golongan penerima wasiat *wajibah* oleh negeri-negeri di Malaysia dalam menambah baik peruntukan wasiat *wajibah* tersendiri.

**Kata kunci:** Wasiat *wajibah*, Penerima wasiat *wajibah*

### Abstract

Compulsory bequest (wasiat *wajibah*) is a mechanism of estate distribution through statutory provisions to heirs who are barred from inheriting under the rules of faraid. In Malaysia, several states have incorporated provisions relating to compulsory bequests, among which are the States of Selangor and Negeri Sembilan. Nevertheless, there are differences in the categories of beneficiaries of compulsory bequests as prescribed in the written laws of these two states. Hence, this study aims to examine the groups eligible to receive compulsory bequests under the Islamic Wills (Selangor) (Amendment) Enactment 2016 and the Islamic Wills (Negeri Sembilan) Enactment 2004, as well as to analyse the juristic views (fuqaha) that underpin the differences between the two enactments. The study employs a qualitative approach using content analysis of both classical and contemporary fiqh

texts, alongside a comparative analysis of the two enactments. It also refers to the views of the major schools of Islamic jurisprudence to elucidate the foundations for determining the categories of beneficiaries of compulsory bequests. The findings indicate that the divergence in provisions arises from differing perspectives regarding the purpose of allocating estate shares to the beneficiaries of compulsory bequests. Selangor adopts a more inclusive approach grounded in the principles of justice and public interest (*maslahah*), whereas Negeri Sembilan adheres to the Shafi'i school, which restricts entitlement to grandchildren through sons only. This study is expected to provide a basis for the reassessment of the determination of compulsory bequest beneficiaries by states in Malaysia towards enhancing their respective statutory provisions on compulsory bequests.

**Keywords:** Compulsory bequest, Beneficiaries of compulsory



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Aisyah Abd Rahim & Noor Lizza Mohamed Said. (2025). Analisis Fiqh Terhadap Peruntukan Penerima Wasiat Wajibah di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan [A Fiqh Analysis of the Provisions on Beneficiaries of Compulsory Bequests in the States of Selangor and Negeri Sembilan]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 172-185.

## Pengenalan

Wasiat merupakan salah satu instrumen perancangan harta yang penting dalam Islam dan telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Ia merupakan suatu mekanisme pembahagian harta yang membolehkan seseorang muslim untuk membuat pemberian kepada individu-individu tertentu yang akan terlaksana selepas kematiannya tertakluk kepada had maksimum satu pertiga daripada keseluruhan hartanya kecuali pada hal-hal tertentu. Ia merupakan satu bentuk ibadah yang telah disyariatkan melalui nas-nas al-Quran dan hadis serta telah dibincangkan secara mendalam oleh para fuqaha sejak zaman-berzaman. Para fuqaha telah memberi perhatian yang mendalam terhadap persoalan wasiat dengan perbincangan yang meliputi pelbagai aspek termasuk rukun wasiat, syarat-syarat penerima wasiat dan prosedur pelaksanaannya yang mana ia telah memberi asas yang kukuh dalam pembentukan undang-undang wasiat di negara-negara Islam termasuk Malaysia.

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, wasiat tertakluk kepada undang-undang syariah dan juga undang-undang sivil yang berkuat kuasa mengikut kuasa yang telah ditentukan. Pentadbiran hal ehwal Islam termasuk perundangan wasiat terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Situasi ini telah membawa kepada pembentukan enakmen-enakmen yang berbeza di setiap negeri walaupun kesemuanya bersumberkan syariat Islam. Justeru, pemahaman yang mendalam mengenai peruntukan undang-undang wasiat ini adalah penting khususnya dalam memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam pengagihan harta pusaka menurut kehendak si mati dan prinsip-prinsip syariah.

Pemberian harta pusaka melalui wasiat *wajibah* bertujuan untuk memastikan kebajikan golongan waris tertentu yang terhalang daripada mewarisi, khususnya cucu yang kematian ibu

atau bapa sebelum datuk atau nenek mereka. Peruntukan ini berfungsi sebagai langkah perlindungan sosial bagi mengelakkan cucu tersebut terpinggir daripada hak pusaka. Walau bagaimanapun, pelaksanaan wasiat *wajibah* di Malaysia memperlihatkan ketidakseragaman antara negeri misalnya, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016 memperuntukkan wasiat *wajibah* kepada cucu daripada anak lelaki dan anak perempuan, manakala Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 hanya memperuntukkannya kepada cucu daripada anak perempuan. Perbezaan ini mencetuskan persoalan berhubung golongan yang layak menerima wasiat *wajibah*.

Peruntukan golongan penerima wasiat *wajibah* di Negeri Selangor telah diperuntukkan dalam Seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999. Enakmen ini telah meminda beberapa subseksyen tertentu yang kemudiannya dikenali sebagai Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016. Manakala Negeri Sembilan telah memperuntukkan perundangan berkaitan golongan penerima wasiat *wajibah* dalam Seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004. Pindaan subseksyen 27(1) dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016 telah mewujudkan perbezaan ketara dengan Seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dalam menentukan golongan penerima wasiat *wajibah*. Perbezaan peruntukan ini mencerminkan aplikasi pandangan fuqaha yang berbeza dalam kedua-dua negeri, justeru memerlukan analisis mendalam terhadap asas-asas fiqh keempat-empat mazhab utama dan dalil-dalil syarak yang mendasari peruntukan perundangan wasiat *wajibah* di kedua-dua negeri. Pendekatan analisis ini membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh terhadap peruntukan perundangan dan mengidentifikasi ruang penambahbaikan serta menyumbang kepada pembentukan kerangka perundangan wasiat *wajibah* yang lebih mantap, seragam, dan selaras dengan kehendak syarak. Penelitian ini diharapkan dapat memberikan panduan praktis bagi pemurnian perundangan wasiat *wajibah* di Malaysia khususnya dalam menyelaraskan perbezaan pendekatan fiqh antara negeri-negeri.

## Konsep Wasiat *Wajibah*

Wasiat *wajibah* atau *wasiat qanuniyyah* merupakan pembaharuan oleh ulama yang diwajibkan oleh undang-undang untuk memberikan harta pusaka kepada ahli keluarga yang tidak layak menerima pusaka melalui wasiat iaitu kepada cucu yang tidak menerima harta pusaka akibat halangan tertentu. Ia merupakan wasiat yang khusus kepada cucu yang kematian bapa atau ibu sebelum kematian datuk atau nenek mereka atau berlaku kematian serentak daripada harta peninggalan datuk atau nenek kerana tidak mendapat bahagian dalam harta peninggalan secara faraid. Hal ini diatur berlandaskan hukum syarak dan bertujuan untuk memastikan keadilan dalam pembahagian harta (Zakiul Fuady Muhammad Daud & Raihanah Azahari, 2018). Pada asalnya, cucu hanya akan mendapat mewarisi pusaka datuk atau neneknya mengikut pembahagian faraid sekiranya tiada waris yang lebih dekat atau kuat yang akan meng*hijabkan* cucu. Maka, wasiat *wajibah* ini memberi peruntukan undang-undang kepada cucu tersebut yang menjadi wasiat dan bukanlah harta pusaka. Ini bermakna sekiranya datuk atau nenek tersebut tidak membuat wasiat, maka undang-undang atau hakim akan membuat satu wasiat bagi pihaknya (Nurul Syafini Abd Rahman et al., 2017; Zakiul Fuady Muhammad Daud & Raihanah

Azahari, 2018). Undang-undang Pewarisan dan Wasiat Mesir tahun 1946 di bawah fasal ke-6 menyatakan definisi wasiat *wajibah* bahawa:

Apabila si mati tidak membuat apa-apa wasiat kepada cucunya yang kematian bapa semasa hayatnya, atau mereka mati bersama meskipun kematian tersebut secara tidak jelas sebanyak yang sepatutnya diperolehi ibu bapa kepada cucu tersebut sekiranya dia masih hidup, maka diwajibkan kepada cucu-cucu tersebut suatu wasiat harta sekadar bahagian ibu bapa mereka dalam batasan satu pertiga dengan syarat cucu-cucu tersebut bukan dalam kalangan waris dan mereka tidak mendapat apa-apa pemberian daripada datuknya secara percuma dengan apa cara sekalipun sebanyak yang sepatutnya diperolehi mereka. Jika pemberian itu kurang dari apa yang sepatutnya maka diwajibkan wasiat bagi menyempurnakan bahagian tersebut (Abu Zahrah, 1978).

## Sejarah Kewujudan Wasiat *Wajibah*

Dalam sejarah perundangan Islam moden, istilah wasiat *wajibah* yang diperkenalkan dalam *Qānūn al-Waṣīyyah al-Miṣrī* pada tahun 1946 di Mesir merupakan titik permulaan yang signifikan dalam konsep wasiat *wajibah* (Muhammad Afif Al Haq & Andaryuni, 2024). Undang-undang yang digubal ini bukan sahaja menjadi perintis dalam menggariskan prinsip, kaedah dan pelaksanaan wasiat *wajibah* secara sistematik malah ia terus kekal sebagai rujukan utama dalam bidang ini sehingga ke hari ini. Kepentingan perundangan ini terserlah apabila ia menjadi model perundangan yang mempengaruhi perkembangan undang-undang wasiat di seluruh dunia Islam khususnya di negara-negara Arab yang meletakkan wasiat *wajibah* dalam perundangan mereka seperti Undang-Undang Keluarga Islam Syria 1953, Undang-Undang Keluarga Islam Pakistan 1961, Undang-Undang Keluarga Islam Maghribi 1957, Undang-Undang Keluarga Islam Libya 1972, Undang-Undang Keluarga Islam Jordan 1976 dan beberapa negara lain (Nurul Syafini Abd Rahman, 2013). Negara-negara ini yang kemudiannya menggunakan prinsip-prinsip wasiat *wajibah* di dalam sistem perundangan mereka mengikut konteks tempatan masing-masing. Dalam konteks undang-undang ini, negara-negara tersebut mengehendkan wasiat tersebut kepada cucu sahaja dan tidak memasukkan ahli-ahli keluarga yang bukan waris yang lain sebagai orang yang berhak menerima wasiat *wajibah*. Penyebaran dan penerimaan meluas konsep ini dalam pelbagai bidang kuasa Islam membuktikan keberkesanan dan kepentingannya dalam menangani isu-isu pewarisan kontemporari, terutamanya dalam melindungi hak waris yang terhalang daripada sistem pewarisan faraid.

Malaysia telah menerima dan mengamalkan pandangan berkaitan wasiat *wajibah* yang telah mula diperkenalkan secara perundangan dan digubal dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 yang berlandaskan undang-undang Mesir. Enakmen ini mendapat perkenan Diraja pada 15 September 1999 dan disiarkan di dalam warta pada 30 September 1999 dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2004. Ia seterusnya disusuli dengan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 yang telah disiarkan di dalam warta pada 30 Oktober 2004 dan berkuatkuasa pada 5 November 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Kelantan) 2009, Enakmen Wasiat Orang Islam (Pahang) 2017 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018. Pada 2023, Perak telah menggubal undang-undang Perak dengan meletakkan Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023 yang

memasukkan wasiat *wajibah* dalam Seksyen 31 enakmen negeri tersebut. Namun begitu, pemakaian undang-undang wasiat *wajibah* di beberapa negeri mempunyai perbezaan yang signifikan (Nurul Syafini Abd Rahman et al., 2017). Setelah penelitian yang komprehensif dan menyeluruh, Selangor telah membuat beberapa pindaan terhadap peruntukan berkaitan wasiat *wajibah* dalam Seksyen 27 pada tahun 2016 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah disebut sebagai Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016

## Peruntukan Penerima Wasiat *Wajibah* Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

Perbezaan fundamental dalam peruntukan golongan penerima wasiat *wajibah* antara Seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016 dengan Seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 menunjukkan pertembungan antara pendekatan mazhab dengan keperluan pentafsiran semasa, di mana kedudukan waris *dhu al-arhām* sebagai faktor utama telah mewujudkan jurang perundangan yang besar antara kedua-dua negeri. Negeri Sembilan, secara konsistennya berpegang kepada pendekatan mazhab Shafi'i dan Maliki yang tidak mengiktiraf *dhawi al-arhām* sebagai pewaris atau penerima wasiat *wajibah* sekiranya masih terdapat ahli waris daripada kalangan *ashāb al-furūd* atau *'aṣābah*. Maka, peruntukan enakmen negeri ini hanya mengiktiraf cucu daripada anak lelaki sebagai pihak yang layak menerima wasiat *wajibah* (Jasni Sulong, 2008). Manakala negeri Selangor telah membuat pindaan Enakmen Wasiat Orang Islam dengan memberikan hak cucu daripada anak lelaki dan anak perempuan yang telah membuka ruang penelitian antara kedua-dua negeri ini.

Jadual 1 Perbandingan Peruntukan Penerima Wasiat *Wajibah* Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

| Bil | Aspek                                     | Negeri Selangor                                                   | Negeri Sembilan                                                              | Huraian                                                                       |
|-----|-------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Sumber rujukan perbandingan               | Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) Pindaan 2016                | Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004                            | Kedua-duanya merujuk kepada peruntukan wasiat <i>wajibah</i> Seksyen 27(1)    |
| 2   | Kelayakan cucu                            | Cucu daripada anak lelaki dan anak perempuan                      | Cucu daripada anak lelaki sahaja                                             | Anak daripada anak perempuan si mati menjadi titik perbezaan                  |
| 3   | Pendekatan terhadap <i>dhawi al-arhām</i> | Diiktiraf sebagai waris yang layak menerima wasiat <i>wajibah</i> | Tidak diiktiraf <i>dhawi al-arhām</i> sebagai penerima wasiat <i>wajibah</i> | Perbezaan kedua-duanya disebabkan oleh kecenderungan terhadap mazhab tertentu |

|   |                                             |                                                                                             |                                               |                                                                                             |
|---|---------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4 | Mazhab yang diamalkan                       | Pendekatan kepada mazhab Hanafi, Hanbali dan ijtihad kontemporari                           | Berpegang kepada mazhab as-Shafi'i dan Maliki | Perbezaan pendekatan mazhab mencetuskan implikasi kepada senarai waris                      |
| 5 | Asas hukum dan tujuan                       | Menekankan keadilan sosial, maqasid shariah (memelihara keturunan dan keadilan antara cucu) | Mengekalkan pandangan mazhab Shafi'i          | Pendekatan Selangor lebih semasa manakala Negeri Sembilan lebih literal kepada fiqh klasik. |
| 6 | Impak kepada waris cucu dari anak perempuan | Dapat bahagian wasiat <i>wajibah</i> jika anak perempuan meninggal sebelum si mati          | Tidak mendapat bahagian wasiat <i>wajibah</i> | Pembelaan terhadap kebajikan cucu daripada anak perempuan.                                  |

Jadual 1 menunjukkan bahawa perbandingan yang telah dianalisis berdasarkan perbezaan kelayakan golongan penerima wasiat *wajibah* yang termaktub di dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004. Pindaan Seksyen 27(1) enakmen negeri Selangor memperuntukkan bahawa:

27. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seorang datuk atau nenek mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucu daripada anak lelaki atau anak perempuannya yang mati terlebih dahulu daripada datuk atau nenek itu atau yang mati serentak dengan datuk atau nenek itu, cucu itu berhak mendapat wasiat *wajibah*.

Manakala peruntukan berkaitan wasiat kepada cucu dalam enakmen wasiat Negeri Sembilan Seksyen 27(1) memperuntukkan bahawa:

27. (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelaki yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu berhak kepada satu pertiga daripada harta pusakanya dan jika cucu itu diberi kurang daripada satu pertiga, bahagiannya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat *wajibah* yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

Dalam kedua-dua seksyen tersebut, secara tidak langsung menyatakan bahawa cucu daripada anak perempuan tidak layak menerima wasiat *wajibah*. Penolakan hak ini mungkin berpunca daripada pengkategorian mereka sebagai *dhawi al-arhām* (Mu'izz Abas et al., 2023;

Syahir Manaf, 2020). *Dhawi al-arhām* adalah kelompok kerabat yang tidak berhak mewarisi selagi si mati meninggalkan waris daripada *aṣḥāb al-furūd* dan *‘aṣābah*.

Negeri Selangor mengamalkan dasar yang lebih menyeluruh dengan mengiktiraf cucu daripada anak perempuan sebagai penerima wasiat *wajibah* dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016, Seksyen 27(1). Langkah ini membuktikan bahawa Selangor menerima golongan *dhawi al-arhām* sebagai layak mendapat wasiat *wajibah* dalam keadaan tertentu. Hal ini menggambarkan kecenderungan Selangor mengikut pandangan ulama yang mengakui keperluan memberi peluang kepada mereka yang terhalang daripada mewarisi mengikut hukum faraid, khususnya cucu melalui anak perempuan bagi memastikan keadilan dan kemaslahatan keluarga terpelihara.

Berbeza dengan Selangor, Negeri Sembilan hanya membenarkan cucu daripada anak lelaki menerima wasiat *wajibah* yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004, Seksyen 27(1). Pendirian ini menunjukkan bahawa Negeri Sembilan tidak mengakui *dhawi al-arhām* iaitu cucu melalui anak perempuan sebagai pihak yang berhak mendapat wasiat *wajibah*. Pendekatan ini lebih hampir dengan kedudukan mazhab Syafi'i dan Maliki yang membatasi pengiktirafan kepada waris yang mempunyai ikatan nasab yang kukuh seperti cucu daripada anak lelaki, sementara waris melalui perempuan dianggap dalam kumpulan *dhawi al-arhām* yang tidak layak jika wujud waris *aṣḥāb al-furūd* dan *‘aṣābah* (Jasni Sulong, 2008).

Perbezaan ini berpunca daripada variasi pentafsiran ulama terhadap status dan kedudukan *dhawi al-arhām* dalam kerangka sistem pewarisan Islam. Mazhab Hanafi dan Hanbali lebih terbuka menerima *dhawi al-arhām* sebagai penerima wasiat *wajibah* berdasarkan *maslahah* dan prinsip keadilan. Selangor dilihat mengikuti pendekatan ini. Sementara itu, Negeri Sembilan tetap konservatif dan berpegang kepada pandangan mazhab Shafi'i yang tidak memberi keutamaan kepada waris yang termasuk dalam kategori *dhawi al-arhām*.

Perbezaan ketara ini memperlihatkan bagaimana pendekatan terhadap *dhawi al-arhām* dan pemilihan mazhab mempengaruhi perluasan atau kekangan golongan penerima wasiat *wajibah*. Jadual ini memperkukuh hujah bahawa perbezaan dasar antara kedua-dua negeri perlu diteliti semula berdasarkan prinsip-prinsip keadilan Islam kontemporari.

## Pandangan Fuqaha Terhadap Kedudukan Penerima Wasiat *Wajibah*

Dalam perbahasan hukum faraid, isu kelayakan golongan wasiat *wajibah* melihat kepada beberapa aspek penting antaranya kedudukan *dhawi al-arhām* yang termasuk cucu daripada anak perempuan. Ia telah menjadi titik khilaf dalam kalangan fuqaha dengan perbahasan yang mendalam yang mempertimbangkan dari pelbagai sudut. Kedudukan *dhawi al-arhām* khususnya cucu daripada anak perempuan dalam hukum wasiat *wajibah* telah mencetuskan perdebatan yang mendalam dalam kalangan fuqaha empat mazhab utama, di mana setiap mazhab mengemukakan hujah-hujah tersendiri yang memberikan impak signifikan terhadap penetapan hak pewarisan dalam sistem faraid.

## 1. Mazhab Hanafi

Mazhab Hanafi merupakan antara mazhab yang mempunyai pendekatan tersendiri dalam menetapkan hak warisan bagi golongan ini. Hal ini didasari oleh prinsip bahawa hubungan rahim yang tidak tergolong dalam *ashāb al-furūd* mahupun *‘aṣābah* masih boleh melayakkan seseorang mendapat pusaka melalui qiyas dan istihsan (Asibah Binti Ramli et al., 2009; Syarifuddin). Pandangan yang menyokong pewarisan ini telah disebut oleh Abu Hanifah, Abu Yusuf, Muhammad al-Shaybani, Zufar, Isa ibn Aban dan Ahl al-Tanzil (al-Sarakhsī, 1989). Menurut pandangan mazhab Hanafi yang disokong oleh ibn Abidin (1966), waris *dhawī al-arhām* mempunyai hak kewarisan yang sah terhadap harta pusaka dalam keadaan ketiadaan waris-waris *ashāb al-furūd* dan *‘aṣābah* dengan pengecualian kepada pasangan hidup (suami atau isteri) yang tetap mengekalkan hak kewarisan mereka (al-Tamartashī, t.th).

## 2. Mazhab Maliki

Mazhab Maliki secara umumnya tidak mengiktiraf hak waris kepada golongan *dhawī al-arhām*, termasuk cucu daripada anak perempuan apabila wujudnya *ashab al-furūd* atau *‘aṣābah*. Mazhab Maliki berpendapat bahawa *dhawī al-arhām* tidak mewarisi sama sekali, jadi apabila seseorang meninggal dunia tidak meninggalkan *dhawī al-furūd* dan *‘aṣābah* maka harta peninggalannya diserahkan kepada baitulmal dan tidak diberikan kepada *dhawī al-arhām* (Al-Sabuni, 2008). Pengutamakan saluran diberikan kepada baitulmal demi maslahat umum umat (Mohammad Salleh Abdul Saha et al., 2022).

## 3. Mazhab Shafi'i

Menurut pendapat al-Shafi'i, *dhawī al-arhām* tidak berhak menerima apa-apa daripada harta pusaka. Sebaliknya, harta tersebut diserahkan kepada baitulmal jika tiada waris dari kalangan *ashāb al-furūd* dan tiada juga *‘aṣābah* (al-Sarakhsī, 1989). Pendapat ini juga dikemukakan oleh Zaid bin Thabit, Abdullah bin Abbas, Sa'id bin Jubair dan Sai'd bin Musayyib (Al-Syirbini, 1994). Penyerahan harta kepada baitulmal dilihat bahawa ianya menjaga kemaslahatan masyarakat secara umum. Menurut Al-Nawawi (1991), *dhawī al-arhām* tidak berhak mewarisi jika baitulmal ditadbir secara adil dan teratur di bawah pemimpin yang amanah. Menurut Imam al-Shafi'i, baitulmal berperanan sebagai institusi yang sah untuk menerima dan menguruskan harta pusaka demi kepentingan umum umat Islam, berbeza dengan pandangan Hanafi dan Hanbali yang hanya menganggap baitulmal sebagai pemegang amanah bagi harta yang tidak bertuan (Jasni Sulong, 2008). Namun, menjelang akhir abad ke-4 Hijrah, Imam al-Shafi'i mengubah pendiriannya berhubung penyerahan pusaka kepada baitulmal apabila institusi tersebut tidak lagi diurus dengan baik sehingga menjejaskan pengurusan harta umat Islam. Dalam situasi sedemikian, beliau berpandangan bahawa harta pusaka wajar diberikan kepada waris *dhū al-arhām*.

Al-Bajuri (2016) menetapkan bahawa baki harta pusaka hendaklah diserahkan kepada ahli keluarga berdasarkan hubungan kekerabatan sekiranya baitulmal gagal melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik, dengan pengecualian suami atau isteri yang tidak berhak

kerana hubungan mereka terikat melalui ikatan perkahwinan sahaja. *Dhawī al-arhām* juga tidak memiliki kelayakan menerima wasiat *wajibah* ketika ketiadaan *dhawi al-furūd* atau *‘aṣābah* kerana harta akan disalurkan kepada baitulmal (Al-Syirbini, 1994).

#### 4. Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali bersandarkan pandangan bahawa waris daripada golongan *dhawī al-arhām* berhak menerima harta pusaka. Mereka diberikan bahagian tersebut sekiranya masih terdapat baki selepas pembahagian mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keutamaan pemberian harta ini adalah kepada mereka sebelum disalurkan kepada baitulmal (Al-Kalwazānī, 1996). Pandangan ini selari dengan mazhab Hanafi, tetapi berbeza dengan mazhab Maliki dan Syafi'i yang mengutamakan baitulmal. (Qudamah, t.th) mewajibkan *dhawī al-arhām* sebagai ahli waris apabila ketiadaan *dhawi al-furūd* atau *‘aṣābah* melainkan suami isteri.

Analisis komprehensif terhadap keempat-empat mazhab fiqh utama menunjukkan polarisasi pandangan dalam dua kelompok berbeza berhubung kedudukan *dhawī al-arhām* dalam sistem pewarisan Islam:

1. Pandangan pertama: *Dhawī al-arhām* layak mewarisi wasiat *wajibah* apabila ketiadaan *dhawi al-furūd* atau *‘aṣābah* dan mereka lebih diutamakan berbanding baitulmal yang merupakan pandangan mazhab Hanafi, Hanbali dan jumhur sahabat antaranya Saidina Umar, Saidina Ali bin Abi Thalib, Abdullah ibn Mas'ud, Abī Hurairah, Abu Dardā', Syuraih dan Muaz ibn Jabal. Qanun al-Wasiyyah 1946 memperkenalkan konsep wasiat *wajibah* yang memberikan hak kepada cucu untuk mewarisi harta pusaka datuk nenek mereka sehingga satu pertiga bahagian apabila ibu bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu, sebagai mekanisme keadilan yang dicadangkan oleh sarjana Mesir untuk melindungi kepentingan cucu yatim piatu tanpa mengira sama ada mereka adalah keturunan anak lelaki atau anak perempuan.
2. Pandangan kedua: *Dhawī al-arhām* tidak layak mewarisi wasiat *wajibah* dan sekiranya tiada *dhawi al-furūd* atau *‘aṣābah*, maka harta tersebut diberikan kepada baitulmal. Ia merupakan pandangan mazhab Shafi'i dan Maliki di samping disokong oleh beberapa orang para sahabat antaranya Zaid bin Thabit dan Ibnu Abbas dalam sebahagian riwayat (Sabiq, 2009)

#### Dalil Pandangan Fuqaha Terhadap Kedudukan Penerima Wasiat *Wajibah*

##### 1. Pandangan Mazhab Hanafi dan Hanbali

Pandangan pertama iaitu mazhab Hanafi dan Hanbali yang mengiktiraf hak pewarisan *dhawī al-arhām* melalui wasiat *wajibah* bersandarkan kepada dalil-dalil berikut:

Firman Allah SWT:

وَأُولُو الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ

Maksudnya: Dan kerabat itu lebih utama sebahagian mereka terhadap sebahagian yang lain dalam Kitab Allah (al-Anfāl: 75)

Ini bermaksud bahawa ada kalangan ahli keluarga yang lebih berhak berbanding yang lain. Maka, hak pewarisan ini ditentukan berdasarkan ciri umum. Tidak timbul percanggahan antara hak yang diberikan melalui ciri umum dan hak melalui ciri khusus. Jika seseorang itu tidak memenuhi ciri khusus, maka hak pewarisan diberikan berdasarkan ciri umum. Justeru, perkara ini tidak dianggap sebagai penambahan terhadap al-Quran.

Diriwayatkan oleh Umar ibn al-Khattab, Rasulullah SAW bersabda:

قال النبي صلى الله عليه وسلم : الله ورسوله مولى من لا مولى له والخال وارث من لا وارث له وفي حديث آخر قال عليه السلام : الخال وارث من لا وارث له يعقل عنه و يرثه . ولما مات ثابت بن الدحداح رضي الله عنه : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لقيس بن عاصم المنقري هل تعرفون له فيكم شيئا، فقال: إنه كان فينا ميتا فلا نعرف له فينا إلا ابن أخت، فجعل رسول الله صلى الله عليه وسلم ميراثه لابن أخته أي لخاله ابن عبد الله المنذر وتأويل ما روي من نفي ميراث العممة والخاله في حال وجود صاحب فرض أو عصبية.

Maksudnya: Nabi Muhammad SAW bersabda: Allah dan Rasul-Nya menjadi wali kepada sesiapa yang tiada wali, dan bapa saudara sebelah ibu menjadi pewaris kepada sesiapa yang tiada waris (Sunan at-Tirmizi, No. 2103, Hadis Hasan)

Dalam hadis lain: Bapa saudara sebelah ibu mewarisi sesiapa yang tiada waris, dan dia juga menanggung *diyat* baginya dan mewarisi harta peninggalannya. (Sunan ibn Majah, No, 2738, Hadis Sahih).

Ketika Thābit ibn al-Daḥḍāḥ RA wafat, Rasulullah SAW bertanya kepada Qays ibn ‘Āṣim al-Minqari: Adakah kamu mengenali sesiapa daripada keluarganya?, maka dia menjawab: Dia telah meninggal dunia dalam kalangan kami dan kami tidak kenal walinya kecuali anak saudara perempuannya. Lalu Rasulullah SAW memberikan pusaka itu kepada anak saudara perempuannya, iaitu *khāl* (bapa saudara sebelah ibu), Ibn Abdallah ibn al-Mundhir.

Hadis-hadis ini menjadi dalil yang penting bagi pandangan yang menyokong pewarisan oleh *dhawi al-arḥām* (kerabat bukan waris fardu dan *aṣābah*), khususnya dalam kes tiada waris yang ditentukan secara nas. Sabda Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa “*bapa saudara sebelah ibu (الخال) menjadi waris kepada orang yang tiada waris*” menunjukkan pengiktirafan terhadap hak waris bagi *dhawi al-arḥām* berdasarkan hubungan kekeluargaan yang sah. Perbuatan Nabi SAW ketika memberikan harta pusaka Thabit ibn al-Dahdah kepada anak saudara perempuannya (*khāl*), mengukuhkan bahawa *dhawi al-arḥām* boleh mewarisi apabila ketiadaan waris lain. Ini menjadi asas hujah bagi mazhab yang menerima pewarisan *dhawi al-*

*arhām* yang melihat bahawa hak mewarisi bukan hanya terhad kepada waris fardu dan *‘aṣābah* semata-mata, tetapi juga meliputi mereka yang mempunyai pertalian rahim apabila tiada waris lain. Maka, sekiranya tiada *dhawī fardhu* atau *‘aṣābah*, maka *dhawī al-arhām* mendapat hak secara tabii (الاستحقاق بالوصف العام) dan itu tidak bercanggah dengan nas qat’ie, kerana ia hanyalah pelengkap.

Ibn Qudamah (1968) yang mengatakan bahawa mazhab Hanafi menetapkan sistem pewarisan *dhawī al-arhām* mengikut tertib *‘aṣābah* yang mengutamakan zuriat si mati dan keturunannya, kemudian keturunan ibu bapa, diikuti cucu datuk-nenek dan zuriat mereka, dengan prinsip keutamaan kedekatan hubungan dari sebelah bapa mengatasi darjat keturunan yang lebih rendah, serta kedudukan khusus bapa sebelah ibu yang didahulukan berbanding anak sebelah perempuan dalam kaedah ahl al-qarābah.

*Dhawī al-arhām* berhak mewarisi harta pusaka apabila tidak wujud ahli waris *‘aṣābah* dan *dhawī furud* selain pasangan suami isteri, berdasarkan amalan yang diriwayatkan daripada para sahabat seperti Umar al-Khattab, Ali ibn Abi Talib, Abdullah ibn Masud, Abu Ubaidah ibn al-Jarrah, Muadz ibn Jabal dan Abu al-Darda:

روي عن عمر وعلي وعبد الله وأبي عبيدة بن الجراح ومعاذ بن جبل وأبي الدرداء رضي الله عنهم  
توريثهم عند عدم العصبية وذوي الفروض غير الزوجين

Maksudnya: Mereka memberi pusaka kepada *dhawī al-arhām* apabila tiada *‘aṣābah* dan tiada *dhawī furud* selain pasangan suami isteri.

Mazhab Hanafi, Hanbali dan sebahagian ulama Shafi’i berpegang kepada pendapat ini sekiranya syarat baitulmal tidak diuruskan secara sempurna (Al-Bahuti, 1968). Kesimpulannya, mazhab Hanafi dan Hanbali mengiktiraf pewarisan *dhawī al-arhām* dengan sandaran al-Quran, hadis, amalan sahabat dan pandangan fuqaha. Mereka menegaskan bahawa hubungan rahim lebih utama berbanding penyerahan harta kepada baitulmal, khususnya apabila tiada waris fardhu atau *‘aṣābah*.

## 2. Pandangan Mazhab Shafi’i dan Maliki

Pandangan kedua dari mazhab Shafi’i dan Maliki yang tidak memberi kelayakan kepada *dhawī al-arhām* untuk mewarisi harta melalui wasiat *wajibah* melihat bahawa Allah SWT telah menetapkan secara eksplisit dalam ayat-ayat faraid mengenai hak pusaka bagi golongan *ashab al-faraid* dan *‘aṣābah*, namun tidak menyebut sebarang ketentuan khusus bagi *dhawī al-arhām*, dan sesungguhnya Allah tidak lupa akan sesuatu pun. Oleh itu, penetapan hak pusaka bagi *dhawī al-arhām* merupakan penambahan kepada hukum yang telah ditetapkan dalam al-Quran, justeru ia tidak boleh ditetapkan melalui hadis ahad mahupun *qiyas* kerana kedua-dua sumber tersebut tidak memiliki kekuatan hujah yang setara dengan nas qat’i al-Quran (al-Sarakhsī, 1989). Firman Allah dalam surah Maryam ayat 64 :

وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا

Maksudnya: Dan tiadalah Tuhanmu itu lupa.

Oleh itu, ayat ini dijadikan hujah bahawa ketiadaan penyebutan *dhawī al-arhām* dalam ayat-ayat faraid adalah berasaskan hikmah Ilahi dan bukannya disebabkan kelupaan.

Terdapat riwayat berkaitan dengan pewarisan, al-Sarakhsī (1989) menyatakan di dalam kitabnya bahawa Rasulullah SAW ditanya mengenai pusaka bagi ibu saudara sebelah bapa dan ibu saudara sebelah ibu:

قال: نزل جبريل عليه السلام وأخبرني أن لا ميراث للعممة والخالة

Maksudnya: Baginda bersabda: Jibrail alaihissalam telah turun kepadaku dan memberitahuku bahawa tiada pusaka bagi ibu saudara sebelah bapa dan ibu saudara sebelah ibu.

Ia dinukilkan sebagai hujah bagi pihak yang menolak pusaka untuk ibu saudara dan bapa saudara sebelah ibu. Namun, kebanyakan ulama hadis tidak menemukan sanad yang bersambung atau meriwayatkannya dalam koleksi sahih seperti Sahih al-Bukhari atau Sahih Muslim.

Al-Abhari (2020) dalam kitabnya *Sharḥ al-Mukhtaṣar al-Kabīr* berdalil bahawa *dhawī al-arhām* tidak layak mewarisi semata-mata berdasarkan hubungan kekerabatan dengan mengemukakan analogi bahawa ibu saudara tidak mewarisi bersama bapa saudaranya walaupun kedua-duanya mempunyai hubungan rahim dengan si mati. Sekiranya hubungan rahim sahaja mencukupi sebagai asas pewarisan, maka ibu saudara sepatutnya mewarisi sebagaimana saudara perempuan yang mewarisi bersama saudara lelaki. Ketiadaan hak waris ibu saudara dalam situasi tersebut membuktikan bahawa beliau juga tidak berhak mewarisi apabila bersendirian. Justeru, pandangan ini menegaskan prinsip bahawa ikatan darah semata-mata tidak memadai untuk melayakkan seseorang mewarisi, sebaliknya kelayakan waris hanya terhad kepada golongan yang ditetapkan secara khusus dalam nas, iaitu *ashab furud* dan *‘aṣābah*.

Zaid bin Thabit berpendapat bahawa *dhawī al-arhām* tidak mewarisi harta sebaliknya menyerahkan baki harta kepada baitulmal dan ianya bersependapat dengan Imam Malik (Al-Bahuti, 1968).

Mazhab Shafi’i dan Maliki mengambil pendirian tegas menolak pewarisan *dhawī al-arhām* berdasarkan prinsip bahawa sistem faraid dalam Islam telah ditetapkan secara qat’i di dalam al-Quran yang hanya mengiktiraf golongan *ashab al-faraid* dan *‘aṣābah* sebagai waris yang sah, di mana ketiadaan penyebutan *dhawī al-arhām* dalam nas dipandang sebagai hikmah Ilahi yang tidak boleh ditambah atau diubah, sekaligus menjustifikasikan penyerahan baki harta kepada baitulmal sebagaimana diamalkan oleh sahabat antaranya Zaid bin Thabit.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan peruntukan golongan wasiat *wajibah* antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan berpunca daripada perbezaan pandangan tentang tujuan pemberian harta pusaka kepada golongan penerima wasiat *wajibah*. Selangor menggunakan pendekatan mazhab Hanafi dan Hanbali dengan mempertimbangkan kemaslahatan dan keperluan penerima wasiat *wajibah* terutamanya cucu daripada anak

perempuan. Pendekatan ini juga telah diamalkan oleh Enakmen Wasiat Orang Islam (Pahang) 2017 dalam Seksyen 30(1). Manakala Negeri Sembilan memilih mazhab Shafi'i dan Maliki berdasarkan pegangan terhadap mazhab Shafi'i yang mengehendkan peruntukan kepada cucu daripada anak lelaki sahaja kerana menolak pewarisan terhadap *dhawi al-arhām*. Perbezaan ini menunjukkan ijtihaḥ negeri-negeri dalam menyeimbangkan fiqh klasik dengan keperluan semasa, di mana wasiat *wajibah* berfungsi melindungi kebajikan cucu yatim dan menjadi rujukan penting bagi pembuat dasar. Kajian ini diharapkan menjadi asas perbincangan yang lebih luas untuk memperkukuh keadilan sosial dan memastikan kebajikan cucu yang terhalang daripada warisan terus terjamin dalam kerangka perundangan Islam kontemporari.

## Rujukan

- al-Abharī, A. B. (2020). *Sharḥ al-Mukhtaṣar al-Kabīr* Jamiah Dar al-Bir.
- Abu Zahrah. (1978). *Sharḥ Qanun al-Wasiyyah*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Asibah Ramli, Mariana Abdul Rahman, Noraini Tapsir, Nor Rafiezah Md. Rejab, Siti Fazilah Mat Sahri, Siti Norhasnida Samsuddin, Siti Hawa Mohamed Kumari, & Yatimi Yusof. (2009, 2 Ogos). Usul Fiqh 2. Istihsan.  
[https://usulfiqh2.blogspot.com/2009/04/istihsan\\_24.html](https://usulfiqh2.blogspot.com/2009/04/istihsan_24.html)
- al-Bahuti. (1968). *Kasyaf al-Qina' an Matn al-Iqna'* (Vol. 4). Maktabah al-Nasr al-Hadithah.
- al-Bajuri, I. i. M. b. A. (2016). *Hasyiah al-Bajuri*. Dar al-Minhaj.
- Ibn Abidin. (1966). *Hasyiah Radd al-Mukhtar* (Vol. 6). Maktabah Mustafa al-babi al-Halabi.
- Jasni Sulong. (2008). Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Amalan Pembahagian Pusaka Dan Wasiat Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(1), 163-183.
- al-Kalwazānī, M. i. A. (1996). *al-Tahdhīb fī al-Farā'id* Dar al-Kharraz.
- Mohammad Salleh Abdul Saha, Norazmi Anas, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, & Nurul Hidayah Aziz. (2022). The issues, concepts and functions of baitulmal in Selangor Islamic Religious Council (MAIS) on the reclamation of muslim inheritance. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(2022), 2213-2221.
- Muhammad Afif Al Haq, & Andaryuni, L. (2024). Wasiat Wajibah sebagai Hilah dalam Hukum Waris Islam. *Bulletin of Community Engagement*, 4(3), 516-522.
- Mu'izz Abas, Noor Lizza Mohamed Said, & Mohd Zamro Muda. (2023). A comparative study on legislative provisions for obligatory bequest in Egypt and Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 13(2023), 1961-1974.
- al-Nawawi. (1991). *Rawḍah al-Tālibīn wa 'Umdah al-Muftīn*. Maktab Islami.
- Nurul Syafini Abd Rahman, Noor Syahida bt Abdul Rahman, Nur Zulfah bt Md Abdul Salam, Norhayati Abd Ghani, & Hasliza Talib. (2017). Pemakaian konsep wasiat wajibah di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, KUIS.
- Nurul Syafini Abd Rahman. (2013). Wasiat wajibah menurut pandangan fuqaha dan peruntukan undang-undang di negara Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Qudamah, A. M. A. b. A. b. M. I. (t.th). *Al-Mughni Al-Maqdisi*. Dar Al-Alamiah.
- Sabiq, S. (2009). *Fiqh Sunnah*. Dar al-Fath.

- al-Sabuni. (2008). *Al-Mawarith fi Al-Syariah Al-Islamiyyah fi Dhauil Kitab wa Al-Sunnah*. Syurkah Abnā' Sharīf al-Anṣārī.
- al-Sarakhsī, M. i. A. i. A. S. S. a.-A. (1989). *al-Mabsūṭ li al-Sarakhsī* (Vol. 30). Dar al-Ma'rifah.
- Syahir Manaf. (2020). Pengamalan Wasiat Wajibah di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan Berdasarkan Peruntukan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004. no. March.
- Syarifuddin, D. t.th *Hukum Kewarisan Islam* UIN Suska].
- al-Syirbini, A.-K. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Makrifah Maani Alfaz al-Muhtaj*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Tamartashī, M. i. ' . A. i. A. a.-K. (t.th). *Tanwīr al-Absār wa Jāmi' al-Biḥār*. Maktabah al-Nabawiyah.
- Zakiul Fuady Muhammad Daud, & Raihanah Azahari. (2018). Amalan penghakiman dalam kes wasiat wajibah kepada waris berbeza agama: Kajian kes terpilih: The practice of judgment of wajibah will to the heirs of different religion: A selected case study. *Jurnal Syariah*, 26(2), 267-294.